

PROSES PEMBENTUKAN SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

CLOSED STACKS

Oleh

HAJI MIOR AHMAD NOOR BIN MIOR HAMZAH

Perpustakaan Universiti Malaya



A506438411

U

**TESIS BAGI MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA SASTERA JABATAN PENGAJIAN ASIA
TENGGARA, FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
1995**

PENGHARGAAN

Ya Allah, Ya TuhanKu, bermula dengan kalimahMu **Aku Berlindung Dari Syaitan Yang Direjam dan Dengan Menyebut NamaMu Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihani**, dipanjatkan sepenuh kesyukuran kepadaMu kerana tesis ini terhasil juga. Dalam menyediakannya, terlalu ramai pihak yang harus menerima penghargaan terima kasih. Pertamanya, Profesor Shaharil Talib, Ketua Jabatan Pengajian Asia Tenggara yang telah mengajukan tajuk ini pada tahun 1983 semasa ura-ura mencari ilmu ke negeri matahari terbit. Kesabarannya menanti akhirnya bersambut setelah peluang belajar terbuka pada tahun 1990. Atas seliaan beliau dari Julai 1990 (selama dua tahun sebagai pelajar sambilan) dengan dedikasi keilmuan dan sifat kebapaan yang memberi didikan telah membawa hasil. Terlalu banyak yang dipelajari bersama-sama termasuklah erti nilai ilmu dan realiti kehidupan.

Tidak dilupakan juga kepada penyelia bersama En. Mohd Hear Awang dari Jabatan Sejarah. Kepada Kolonel Ahmad Kamal Ismail (Bersara Brigadier Jeneral) dan Allahyarham Kolonel Wan Hassan Wan Ismail (meninggal dalam perkhidmatan) yang mengertikan erti ilmu dan mengusahakan penamatan perkhidmatan untuk belajar setelah gagal mendapat cuti belajar, jasa tuan tetap dalam ingatan. Kepada seluruh kakitangan Perpustakaan Utama, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Jabatan Geografi, Jabatan Pengajian Melayu dan Jabatan

Sejarah, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, (terutama Bahagian Mikrofilem dan Majalah), Arkib Negara Malaysia dan cawangan di Kedah dan Terengganu, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan yang telah memberi segala perkhidmatan dan bantuan tidak dilupakan. Begitu juga dengan Jabatan Ukur Malaysia di Kuala Lumpur dan cawangan di Taiping serta Kulim.

Kepada Yayasan Perak yang sudi menghulurkan bantuan pinjaman kewangan, General (B) Tan Sri Dato, Ghazali Haji Che Mat dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang telah membantu sebahagian perbelanjaan tetap menjadi ingatan dan kenangan. Encik Ismail dan Puan Surinam yang sentiasa senyum dan sabar dalam memberi kemudahan menggunakan peralatan pejabat dan menjadi "tutor komputer" amat dibanggakan. Para pensyarah yang meminjamkan tesis, keizinan membuatkan fotokopinya, yang sering memberi semangat dan bertanyakan kemajuan juga ditujukan terima kasih ini. Terlalu ramai untuk disebutkan satu persatu. Namun budi baik kalian terus tersemat di dalam hati.

Buat adik-adik Biasiswa, Cik Siti dan Hanizah, senyuman, bantuan dan kejayaan kalian yang terlebih awal turut memberi inspirasi. Tidak lupa kepada rakan seperjuangan lain dari Jepun (Ichiro), Korea, Vietnam, Brunei, Indonesia, Thailand, India, dan Afrika, terima kasih atas persahabatan dalam mencari ilmu. Demikian juga kepada pelajar tahun empat sesi 1993-95, kejayaan dan ingatan kalian kepada saya memberi perangsang untuk terus

berusaha walaupun sudah terasa "tua". Kepada Biasiswa baru Cik Rohana, Cik Asmah dan terutamanya Kak Ton yang sering membantu menaip semasa draf awal tidak dilupakan. Semoga kalian berjaya lebih awal atas keikhlasan menghulurkan bantuan. Kepada rakan seperjuangan di Bilik Pengajar 2 dan 3 dari tahun 1992, pengalaman indah bersejuk dan berpanas kerana sistem penghawa dingin yang sedemikian rupa amat bererti kepada saya. Semoga kita sama-sama berjaya. Terima kasih juga ditujukan kepada pihak-pihak lain yang tidak mungkin tersebut semuanya. Tetapi "Jasamu Tetap Dikenang", seperti Halija Mejari Ahmad kerana sudi membantu menaip tesis ini pada peringkat awal, pegawai dan anggota tentera yang telah membantu penyelidikan di sepanjang sempadan, Kedah-Pulau Pinang dan juga di Songkhla serta Bahagian Peta dan Gambar Udara yang membantu melukis kembali peta. Begitu juga dengan orang perseorangan di tempat yang dibuat kajian termasuk di Segenting Kra dan tenggara Burma.

Penghargaan istimewa dalam kejayaan ini untuk seluruh kaum keluarga yang telah sama-sama berkorban dalam berkongsi suka-duka. Kepada emak yang sentiasa sakit-sakit kerana "kehilangan" anak mu, anak-anak (Along, Angah, Ayang dan Andak) yang terabai kasih sayang dan didikan, dan isteri tersayang Puan Hajah Azizah bte Bahari yang menjadi "ratu dan jantung kehidupanku", yang terpaksa bertindak sebagai ayah dan ibu serentak semasa "kehilangan" suamimu. Inilah hadiah kejayaan kita. Semoga tesis ini mempererat lagi hubungan kekeluargaan dan kebahagiaan serta kejayaan hidup

kita. Alhamdulillah, Amin.

Mej (B) Haji Mior Ahmad Noor bin Mior Hamzah

5 Julai 1995

ABSTRAK

Proses pembentukan sempadan negeri-negeri Melayu di Segenting Kra selepas tahun 1800 melibatkan pertembungan dua nilai, budaya dan konsep persempadanan yang berbeza. Nilai, budaya dan konsep persempadanan Melayu dengan Siam berasaskan sifat tolak ansur, persefahaman dan perakuan hormat menghormati serta janji turun temurun. Nilai, budaya dan konsep persempadanan penjajah Barat pula bercirikan ketepatan, perjanjian bertulis dan sempadan yang diukur, disukat, ditanda, dipeta dan didokumentasikan secara terperinci. Perbezaan nilai, budaya dan konsep ini memudahkan pihak penjajah Barat melaksanakan persempadanan mengikut diplomasi "telunjuk lurus kelingking berkait" yang mereka amalkan di sini.

Kerajaan-kerajaan Melayu di Semenanjung sebelum tahun 1800 mempunyai kawasan tetapi tidak ada ketetapan garis sempadan. Kawasan mereka berkembang atau menguncup sesama sendiri dalam persefahaman dan pengertian bersama melalui ikatan sistem politik, sosial, ekonomi dan jalan perhubungan. Sistem politik diperkuatkan melalui perkahwinan dan pengiktirafan ketuanan. Sistem sosial dapat berkekalan kerana adat dan agama yang sama: Hindu-Budha dan kemudiannya Islam. Sistem ekonomi berkembang kerana penghasilan barang keluaran dari bumi, hutan dan laut

serta keperluan yang sama terhadap barang-barang tersebut. Ini dimudahkan lagi melalui jalan perhubungan yang sama untuk ke mana-mana.

Perkembangan sistem-sistem di atas melalui pengembangan kawasan di Negeri Kedah, Perak dan Kelantan-Patani terhalang dan terbantut apabila mereka berhadapan dengan musuh dari utara. Di sebelah pantai barat, mereka berhadapan dengan Pegu dan kemudiannya Burma. Manakala di sebelah pantai timur pula Siam melalui koloni pengantaranya Ligor. Kedatangan pihak Inggeris ke rantau ini telah mengubah konsep sempadan tradisi yang cair dan menganjal kepada sesuatu yang tetap, tepat dan kekal. Bagi memenuhi kehendak dan kepentingan mereka lah bermulanya pembentukan garis sempadan dalam kerajaan Melayu. Inggeris memperkenalkannya di Pulau Pinang pada tahun 1800 di kawasan Province Wellesley atau Seberang Perai.

Persempadanan di Seberang Perai mengambil masa selama 69 tahun baru selesai (tahun 1869). Tiga kali perubahan berlaku sebelum ia sempurna. Banyak peristiwa sorong tarik dalam mewujudkan sempadan ini. Sebelum Kedah ditawan oleh Siam, Inggeris berhubung terus dengan Kedah. Selepas itu Ligor dan Bangkok menjadi tempat rujukan, Kedah diketepikan. Pada peringkat akhir British di London menggantikan tempat India pula dalam perundingan menetapkan garis sempadan. Setelah masuk ke Perak pada tahun 1874, mereka bertanggungjawab mengambil semula kawasan Perak yang terlepas ke tangan Reman (Siam).

Persempadan di Perak juga melalui proses yang sama. Ia telah berhadapan dengan Siam selama 17 tahun (tahun 1782-1899) melalui dua perundingan yang panjang. Masalah di Perak untuk mengambil alih semula kawasannya dari Reman tidak sama dengan apa yang dialami olehnya di Kedah. Namun matlamat Inggeris tetap sama untuk kepentingan ekonomi dan "survival" mereka sebagai kuasa kolonial di sini. Proses ini menjadi panjang kerana ketidaksamaan pandangan dan pendapat antara Singapura dengan London. Dalam erti kata lain, antara petugas dengan perunding tidak sekata (sefahaman). Apa yang terhasil di Perak hanya satu pertiga (1/3) dari tuntutan.

Kegagalan membawa sama Kelantan dan Terengganu pada Perjanjian 20 November 1899 telah memaksa Singapura berusaha mencari pengiktirafan bersama dengan Siam di kawasan tersebut. Lanjutan dari usaha ini dan kejayaan Peranchis mendapatkan wilayah timur Siam di Batambang pada tahun 1907 telah membuka ruang British menambah kawasan ke utara lagi. British berunding dengan Siam tanpa melibatkan raja-raja Melayu. Selepas tiga tahun berunding, termeterailah Perjanjian 10 Mac 1909 yang lebih mengikut kehendak dan kepentingan Siam.

Raja-raja Melayu di Kedah, Perlis dan Kelantan serta Terengganu terkejut dengan perubahan ini. Mereka kecewa, berasa hampa, dan kerugian dengan garis persempadan yang telah memecah bahagikan wilayah mereka, namun terpaksa menerima hakikat setelah Siam menyangkal dengan berujah "**Jika Kamu Kehilangan Wilayah, Kami kehilangan**

Negeri". Garis persempadan ini telah memisahkan sebahagian dari kawasan kerajaan Melayu dengan kawasannya dan juga sesama jirannya. Tidak lagi Melayu berjiran dengan Melayu tetapi dengan Siam pula. Kerajaan Melayu yang berasa lega daripada perjanjian ini ialah Perak kerana mendapat semula hampir semua kawasannya.

Budaya, nilai dan konsep persempadan Timur yang bertolak ansur, hormat menghormati perakuan turun temurun dijadikan modal Penajah Barat "menggunting kedaulatan raja Melayu dari dalam lipatannya". British berjaya mendapat apa yang menjadi idaman mereka iaitu pengawalan dan penguasaan ke atas sumber, perdagangan dan juga jalan laluan yang kemudiannya mendorong perkembangan penguasaan dan penjajahan di negeri Melayu. Siam pula mendapat pengiktirafan British terhadap sebahagian kawasan negeri Melayu di Segenting Kra.

ABSTRACT

After 1800, the process of creating the boundaries of the Malay States at the Isthmus of Kra presented an interlude between two different values, cultures and boundary concepts. Values, culture and Malay concepts of boundary with Siam were based on mutual respect, consensus and the acceptance of unwritten codes of conduct that existed for generations. On the other hand, values, culture and western colonial concepts of boundary, were characterised by accuracy, written contract and demarcated boundary which were mapped and documented with precision. These differences in values, culture and concepts enabled the western powers to subtly exercise manipulative diplomatic policies of acquisition and control in the region.

Before 1800, although the Malay States in the peninsular have regions, there was no necessity of a drawn boundary line. Their regions expanded or contracted among themselves in consensus and collective definition through the bonds of the political system, social system, economic system and transportation links. The political system was strengthened through marriage and mutual recognition of another's seniority. The social system perpetuated because of custom and religion: Hindu-Buddha and Islam. The economic system expanded because of the abundance of natural resources extracted from the earth, forest and sea along with common markets for all those commodities.

The interaction was simplified through the same transportatio links within the region.

The development of the above systems through the expansion of the regions of Kedah, Perak and Kelantan-Patani were obstructed and rendered abortive when they faced the enemy from the north. On the West coast they encountered Pegu and Burma. Whereas on the East Coast, they were confronted by Siam through Ligor. British arrival in this region changed the viable and elastic concept of a traditional boundary to that of any accurately documented demarcation which was permanent in nature. In their quest of control and fullfilling their needs and interests, the shaping of boundary lines in the Malay States began. It was introduced by the British at Pulau Pinang in the year 1800 in the area of Province Wellesley or Seberang Perai.

The demarcation of Seberang Perai boundary took 69 years to settle (1869). Three alterations were made before it was completed. In the process of creating this boundary, there were a lot of push-pull episodes. Prior to the conquest of Kedah by Siam, Britain conferred directly with Kedah. After that, Ligor and Bangkok were refered to and Kedah was ignored. In the final stages, the British in London took over from India in the deliberation over the boundary line. In the year 1874, after entering Perak, the British was responsible for reposessing all of Perak's territory which was previously taken by Reman (Siam).

The demarcation of Perak's boundary also went through the same process. She had negotiated with Siam for 17 years (1882-1899) through two long deliberations. The repossession of Perak's territories from Reman, posed a different set of problems to the British as compared to that of Kedah. Nevertheless, the British objective was still the same; that is their need to survive both economically and as a colonial power. This process was prolonged because of the divergence of views and ideas between the Singapore and London. In other words, there was no consensus between the incumbent and the consultant. What could be acquired for Perak was only one third (1/3) from the total area claimed.

The failure to persuade Kelantan and Terengganu as signatories of the 20th November 1899 Treaty had forced Singapore to seek the diplomatic recognition of Siam. The continuation of this effort and The French victory to get back the eastern Siamese province of Batambang in 1907 offered the opportunity for the British to acquire more territory in the east coast. The British deliberated with Siam and abandoned the Malay Rulers. After three years of deliberation, a Treaty was concluded in favour of Siam on March the 10th 1909.

Malay rulers of Kedah, Perlis, Kelantan and Terengganu were shocked with the agreement that was concluded. Although they were frustrated and discontented by the new boundary line which had segregated their

territories, they had to accept the outcome after Siam protested that "**If you lost a territory, we lost a state**". This boundary line not only segregated the Malays in their own region, but that of their neighbours as well. There were no more Malay states as neighbours, instead they had Siam. The only Malay government spared was Perak. She reposessed part of her former territories.

Culture, values and Eastern concepts of boundary based on unwritten codes of territorial influence and integrity were manipulated with subtlety to the advantage of western colonial powers in their quest for expansion and control. The British achieved what they had dreamt of authority and control over resources, commerce and trade routes which helped expedite their expansion of power and the colonization of the Malay States. Siam on the other side had secured British recognition of their sovereignty over parts of the Malay territories in the Isthmus of Kra.

	KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN		i
ABSTRAK		v
ABSTRACT		x
KANDUNGAN		xiv
SENARAI JADUAL		xii
SENARAI PETA		xiii
SENARAI GAMBAR		xix
BAB SATU PENGENALAN		1
1.0 Pernyataan Masalah		1
1.1 Tujuan Kajian		12
1.2 Metodologi Kajian		12
1.3 Pembahagian Bab		15
1.4 Kajian Terdahulu		16
1.5 Masalah Kajian		21
1.6 Kepentingan Kajian		22
BAB DUA KERAJAAN NEGERI MELAYU SEHINGGA TAHUN 1800		32
2.0 Latar Belakang		32
2.1 Lokasi Dan Ciri-Ciri Fizikal		37
2.2 Kerajaan Kedah		50
2.2.1 Sistem Pemerintahan		50

2.2.2	Sistem Sosial	59
2.2.3	Sistem Ekonomi	62
2.3	Kerajaan Perak	64
2.3.1	Sistem Pemerintahan	64
2.3.2	Sistem Sosial	75
2.3.3	Sistem Ekonomi	78
2.4	Kelantan-Petani	81
2.4.1	Sistem Pemerintahan	81
2.4.2	Sistem Sosial	87
2.4.3	Sistem Ekonomi	90
2.5	Kesimpulan	92
BAB TIGA	PEMBENTUKAN PULAU PINANG DAN HUBUNGANNYA DENGAN PROSES PEMBENTUKAN PERTAMA:1800-1869	107
3.0	Latar Belakang	107
3.1	Gambaran Awal Pulau Pinang	114
3.2	Perkembangan Pulau Pinang	119
3.3	Perluasan Wilayah British Dan Pembentukan Sempadan di Bumi Kedah (1800-1831)	125
3.4	Kedah Ditakluki Siam	134
3.5	Pendudukan Kedah Ke atas Daerah Selatan Kerian dan Kesannya Kepada Pembentukan Sempadan (1843-1869)	142
3.6	Persempadanan Tahun 1867-1869	147
3.7	Kesimpulan	156

BAB EMPAT	PERSEMPADANAN DI NEGERI PERAK	
		173
4.0	Latar Belakang	173
4.1	Pembukaan Pulau Pinang dan Kesannya Ke atas Perak	174
4.2	Aliran Dagangan Perak ke Pulau Pinang Dan Permasalahannya	177
4.3	Perjanjian Pangkor dan Perluasan Wilayah	188
4.3.1	Kawasan Dinding dan Kerian	188
4.3.2	Pengenalan Hak Milik Tanah (Land Title)	194
4.3.3	Pertikaian Kawasan British (Perak) dan Siam (Kedah) Di Selama	196
4.4	Pertikaian Kawasan British (Perak) dan Siam (Reman) Di Hulu Perak	200
4.5	Perundingan	202
4.5.1	Perundingan Pertama	203
4.5.2	Perundingan Kedua	205
4.6	Kesimpulan	223
<i>Ruuk - Suni & Sreely</i>		
BAB LIMA	PERSEMPADANAN TAHUN 1909	
		242
5.0	Latar Belakang	242
5.1	Perdagangan dan Pelaburan di Kelantan	243
5.1.1	Bijih Timah Dan Galian Lain	249
5.1.2	Hasil Pertanian Dan Ternakan	252
5.1.3	Hasil Hutan Dan Sumber Laut	255

5.1.4	Hasil Gajah	258
5.2	Perdagangan Di Kedah dan Ulu Perak	259
5.2.1	Keperluan Kepada Hasil Mahsul Tempatan	259
5.2.2	Kawasan Pertanian Baru	265
5.2.3	Keperluan Kepada Jalan Perhubungan	266
5.3	Penyelesaian Sempadan 1899-1909	268
5.4	Perjanjian Tahun 1909	272
5.5	Permasalahan Di Kedah dan Perjanjian Tahun 1906	274
5.6	Kesimpulan	282
BAB ENAM	MENYUKAT DAN MENANDA SEMPADAN	297
6.0	Pendahuluan	297
6.1	Keahlian Dan Bidang Tugas	309
6.2	Kerja-Kerja Penetapan Dan Penandaan	313
6.3	Bentuk Muka Bumi Dan Tanda Sempadan	322
6.4	Penyelesaian Pertikaian	326
6.5	Pengalaman dan Pengajaran	329
6.6	Kesimpulan	334
BAB TUJUH	PENUTUP	345
BIBLIOGRAFI		355

Senarai Jadual	Halaman
Jadual 3.1 Data Penduduk Pulau Pinang Antara Tahun 1788-1820	119
Jadual 3.2 Data Hasil Dan Perbelanjaan Antara Tahun 1792-1805	121
Jadual 3.3 Jumlah Kapal Dagang Berlabuh Dari Disember 1786-Mei 1787	123
Jadual 3.4 Nilai Barang Oleh Perahu Melayu	124
Jadual 5.1 Ekspot Ke Singapura	258
Jadual 5.2 Impot Dari Singapura	258
Jadual 5.3 Pendapatan Dari Pajakan	262

Senarai Peta

Peta 2.1 Negeri-Negeri Melayu Dan Kerajaan Petempatan Di Segenting Kra Abad Ke 19 (Peta Ubahsuai)	33
Peta 2.2 Negeri-Negeri Yang Terlibat Dalam Kajian (Peta Ubahsuai)	35
Peta 2.3 Kedah: Lembah Dan Sungai-Sungai Utama	40
Peta 2.3a Rangkaian Banjaran Gunung Di Kedah	41
Peta 2.4 Sungai Dan Banjaran Utama Di Perak	44
Peta 2.5 Bentuk Fizikal Di Hulu Dan Petempatan Di Hilir Kelantan	46
Peta 2.6 Kota-Kota dan Petempatan Di Tepi Sungai Perak	73
Peta 3.1 Pulau Pinang Wilayah Kerajaan Kedah	110

Peta 3.2	Lakaran Kasar Pulau Pinang Dan Province Wellesly	115
Peta 3.3	Kedudukan Fort Cornwallis Dan Pelabuhan Dengan Tanah Besar	118
Peta 3.4	Gunung Jerai Dan Province Wellesley (Kawasan Tuntutan EIC)	131
Peta 3.5	Perubahan Sempadan Di Province Wellesly Tahun 1800 hingga 1869	157
Peta 4.1	Perak Serta Wilayah Perakuannya	179
Peta 4.2	Perak Semasa Kemasukan British	189
Peta 4.3	Kawasan Dinding Selepas Perjanjian Pangkor	192
Peta 4.4	Kawasan Selatan Sungai Kerian Selepas Perjanjian Pangkor	193
Peta 4.5	Pertikaian Kawasan Di Selama	199
Peta 4.6	Perubahan Kawasan Sempadan Di Hulu Perak	220
Peta 5.1	Sempadan Malaya Dengan Siam	280
Peta 6.1	Kawasan Pertikaian Di Bukit China Perlis	361
Peta 6.2	Kawasan Pertikaian Di Bukit Jeli atau Hulu Sungai Golok	318
Peta 6.3	Salah Faham Di Kuala Rui Akibat Interpritasi Maksud Perjanjian	333

Senarai Gambar

Gambar 3.1	Pengisytiharan Pendudukan Ke atas Pulau Pinang	112
Gambar 4.1	Batu Sempadan Perjanjian Tahun 1899 Yang Terdapat di Kampong Krunei, Gru,Pesu	224